

Pengusaha ladang komoditi disaran gunakan jentera

UM: 6/7/2007

KUALA LUMPUR 5 Julai – Semua syarikat perladangan dan komoditi di negara ini disaran memulakan penggunaan jentera dan automasi bagi mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh khususnya pekerja asing.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, berdasarkan rekod, sehingga Disember 2006, sebanyak 19 peratus atau 354,000 daripada 1.87 juta pekerja asing di Malaysia adalah mereka yang bekerja di sektor berkenaan.

“Saya kira telah tiba masanya pengusaha, pemilik estet dan syarikat-syarikat perladangan memikirkan dengan serius mengenai penggunaan jentera dan automasi seperti yang diamalkan di negara-negara maju yang antara tujuannya ialah mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

“Kesan daripada cara itu (gunakan jentera) mungkin tidak segera dirasai tetapi pulangan daripada pelaburan tersebut pasti akan dinikmati dalam jangka masa panjang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Anugerah Industri Komoditi 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah

Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, Timbalannya, Datuk Anifah Aman dan Setiausaha Parlimen Kementerian, Datuk Dr. S. Vijaratnam.

Pada majlis malam ini, sebanyak tujuh kategori anugerah telah diberikan kepada para pemenang.

Dalam perkembangan sama, Najib berkata, kerajaan amat komited membangunkan sektor komoditi di negara ini kerana peranannya dalam meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Katanya, pada tahun lalu, eksport sektor itu mencecah RM76 bilion atau 12.9 peratus daripada jumlah eksport negara yang bernilai RM588 bilion.

Justeru, katanya, kerajaan melalui Kementerian Perladangan dan Komoditi telah melaksanakan pelbagai program, projek serta penyelidikan untuk tujuan itu.

Beliau berkata, antara projek yang telah dilaksanakan ialah memperkenankan penggunaan bahan tanaman klon sawit bagi tujuan meningkatkan produktiviti.

“Begitu juga dengan industri pembalakan. Pihak kementerian terbabit telah mengambil langkah strategik dengan melaksanakan program ladang hutan dengan sasaran penanaman 25,000 hektar setahun dalam

jangka lima tahun, bermula pada tahun ini.

“Usaha meningkatkan nilai tambah terhadap beberapa komoditi lain turut giat dibangunkan seperti getah dan koko. Kita percaya langkah ini akan memberi kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat,” tambahnya.

Dalam pada itu beliau berkata, kerajaan akan terus memajukan serta mencorak semula sektor pertanian sebagai jentera ketiga pertumbuhan ekonomi selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Katanya, bagi merealisasikan hasrat tersebut penekanan akan diberikan kepada pertanian baru atau moden yang membabitkan pertanian komersial berskala besar.

“Selain itu ia turut menumpukan kepada penggunaan teknologi moden, memanfaatkan sepenuhnya potensi bioteknologi, penggabungan teknologi maklumat dan komunikasi, pengeluaran yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah yang tinggi serta penglibatan sepenuhnya usahawan tani dan tenaga mahir.

“Penekanan ini akan menjadi teras pembangunan pertanian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9),” katanya lagi.